

02 JUL 2002

MAHATHIR-KILANG

DR MAHATHIR SAMPAIKAN AMANAT KEPADA SYARIKAT PERINDUSTRIAN DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanatnya kepada para pelabur syarikat-syarikat perindustrian elektronik dan elektrik sempena sambutan Ulangtahun ke-30 Industri Elektronik di negeri ini pada 27 Ogos depan.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata hari ini, majlis anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) itu juga akan dirasmikan oleh Dr Mahathir sebagai menghargai sumbangan mereka dalam membangunkan ekonomi negeri ini.

Pada majlis itu, pengurusan lapan buah kilang yang merupakan pengasas industri elektronik di negara ini terpilih untuk menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama Perdana Menteri, katanya pada sidang akhbar di sini.

Kelapan-lapan buah kilang itu ialah Advanced Micro Devices Products (AMD), Agilent Technologies (dahulunya HP), Clarion, Fairchild Semiconductor (dahulunya NS), Hitachi Semiconductor, Intel, Osram Opto Semiconductor (dahulunya Litrolix) dan Robert Bosch.

Katanya, kilang-kilang itu merupakan penyumbang pertama dalam pembangunan industri elektronik dan elektrik di negara ini dan mereka menerima Anugerah Istimewa Kerajaan Negeri yang disampaikan oleh Dr Mahathir.

Sempena sambutan itu juga, kira-kira 400 peserta daripada syarikat-syarikat perindustrian di seluruh negeri akan menghadiri seminar setengah hari yang bertemakan "Berkembang dengan Pulau Pinang".

Katanya, sempena sambutan itu juga, kerajaan negeri turut memilih lima buah syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menerima "Anugerah Pembekal Terbaik" atas kejayaan dan sumbangan mereka menjayakan sektor perindustrian di negeri ini.

Kerajaan negeri juga akan meraikan kira-kira 700 pekerja kilang-kilang berkenaan yang telah berkhidmat sejak kilang itu mula dibuka 30 tahun lepas pada majlis makan malam hari itu.

Koh berkata, kerajaan berkeyakinan bahawa sektor perindustrian di negeri ini akan terus berkembang maju walaupun menghadapi cabaran ekonomi dalam era globalisasi.

Katanya, pembangunan teknologi telah menyebabkan syarikat-syarikat perindustrian dan elektronik di negeri ini mampu bersaing secara kompetitif di peringkat global. -- BERNAMA

AZE OS